

## Pengurusan tinggi UMP lawat Kosmo!

**LAWATAN.** Seramai 67 pegawai yang terdiri daripada pihak pengurusan tertinggi, dekan, serta pengarah jabatan **Universiti Malaysia Pahang (UMP)**, Pekan, Pahang melawat pejabat *Kosmo!* di Jalan Chan Sow Lin, Kuala Lumpur semalam.

Lawatan tersebut diketuai oleh Naib Canselornya, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim.

Kesemua ahli rombongan telah disambut, Ketua Pengarang Kumpulan Utusan, Datuk Aziz Ishak, Penolong Pengarang 2 *Kosmo!*, Lokman Othman dan Pengurus Jabatan Pengarang, Ainol Amriz Ismail.



**DAING** Nasir (duduk empat dari kiri) serta kakitangan akademik UMP bergambar bersama Aziz (duduk tiga dari kiri) lima dari kiri) ketika melawat pejabat *Kosmo!* di Jalan Chan Sow Lin semalam. Turut kelihatan, Lokman (duduk dua dari kanan) dan Pengarang Berita Kanan 2 *Kosmo!*, Samsor Junet (kiri).